

KONSEP KERAJAAN PERPADUAN BERTERASKAN ISLAM DARI SUDUT PANDANGAN SARJANA MUSLIM

THE CONCEPT OF THE GOVERNMENT OF ISLAMIC CONFERENCE FROM THE SOLUTION OF THE MASTER OF THE MUSLIM

Dr. Wafdi Auni bin Mohamed¹

¹Graduan

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM)

No.Tel: +6012-4351939

Email: wafdi.auni80@gmail.com

Accepted date: 30 October 2018

Published date: 15 January 2018

To cite this document:

Mohamed, W.A. (2017). Konsep Kerajaan Perpaduan Berteraskan Islam Dari Sudut Pandangan Sarjana Muslim. *Journal of Law, Government and Communication*, 2(6): 168-181.

Abstrak: Konsep kerajaan perpaduan merupakan suatu model kerajaan campuran yang dibentuk melalui perkongsian kuasa daripada pelbagai parti politik di negara-negara yang mengalami konflik seperti peperangan, krisis politik, krisis ekonomi dan krisis perpecahan dalam masyarakat. Pelaksanaan ini dapat dilihat di negara-negara Eropah, Afrika dan Asia. Dalam kalangan negara-negara Muslim pula ia dilaksanakan di negara seperti Palestin, Sudan, Yaman dan Indonesia. Namun sehingga kini, kerajaan perpaduan yang dibentuk di negara-negara tersebut gagal menguruskan krisis dalaman dengan berkesan. Malakah berbentuk penerokaan ini cuba merungkai permasalahan yang timbul dengan menfokus kepada dua tujuan. Pertama, mengenal pasti isu-isu yang mengakibatkan kegagalan pelaksanaan kerajaan perpaduan di negara Muslim. Kedua, menganalisis pandangan Sarjana Muslim terhadap konsep kerajaan perpaduan berteraskan Islam. Data yang digunakan diperolehi daripada kajian perpustakaan yang dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Dapatan kajian ini memberikan satu dimensi baru dalam menyelesaikan kegagalan pelaksanaan kerajaan perpaduan di negara Muslim.

Kata Kunci: Kerajaan Perpaduan Berteraskan Islam, Sarjana Muslim

Abstract: The concept of unity government is a mixed government model formed through the sharing of power from various political parties in conflict-affected countries such as war, political crisis, economic crisis and disunity crisis in society. This implementation can be seen in European, African countries and Asia. Among the Muslim countries it is also implemented in countries such as Palestine, Sudan, Yemen and Indonesia. But until now, the unity government formed in these countries has failed to effectively manage the internal crisis. Malakah in the form of exploration is trying to unravel the problems arising by focusing on two

purposes. First, identify issues that result in the failure of the unification government's implementation in Muslim countries. Second, analyzing the Muslim Master's view on the concept of Islamic-based unity government. The data used were obtained from library analysis which analyzed using content analysis method. The findings of this study provide a new democracy in resolving the failure of the unification government's implementation in Muslim countries.

Keywords: *The Government of Unity in Islam, Muslim Degree*

Pendahuluan

Dalam era pembentukan negara bangsa, kerajaan perpaduan merupakan model yang membentuk satu subsektor penting dalam kerajaan campuran yang diwujudkan semasa fasa peralihan sesebuah kerajaan. Kerajaan perpaduan mempunyai keupayaan yang unik untuk menyatukan warga negaranya terutama pemimpin-pemimpin politik. Pada masa yang sama dapat membentuk wawasan untuk masa depan dalam membina keamanan dan kestabilan. Kerajaan Perpaduan dibentuk melalui perkongsian kuasa yang terdiri daripada parti-parti politik yang sebelum ini bertentangan sifat politiknya sebagai strategi untuk menangani konflik. Ia juga menandakan sistem dua musuh politik mencapai kata sepakat untuk berdamai dan bekerjasama. Menurut Mapuva (2010) dan Matyszak (2010), kerajaan perpaduan berperanan menyatukan rakyat yang berbeza kumpulan etnik, suku kaum dan ideologi politik untuk bekerjasama untuk kebaikan bersama bangsa. Namun, disebalik percaturan membentuk kerjasama dalam kalangan 'musuh politik' bagi membentuk kerajaan, kebanyakan sarjana melahirkan kekhawatiran terhadap kerajaan perpaduan yang dibentuk melalui perjanjian-perjanjian perkongsian kuasa yang lemah dan terdedah kepada ketidakstabilan. Menurut Mapuva (2010), sepanjang sejarah pembentukannya, masih gagal menemui kerajaan yang berjaya menangani krisis politik, ekonomi mahupun sosial. Makalah ini ditulis untuk meneliti wacana yang dibincangkan oleh para sarjana mengenai kerajaan perpaduan berteraskan Islam di dunia Muslim. Bagi mencapai objektif yang ditetapkan ini, terdapat dua bahagian yang dibincangkan. Pertama, pandangan sarjana terhadap konsep kerajaan perpaduan di dunia Muslim; dan kedua, pandangan sarjana Muslim mengenai konsep kerajaan perpaduan berteraskan Islam.

1. *Pandangan Sarjana Terhadap Konsep Kerajaan Perpaduan di Dunia Muslim*

Palestin dan Indonesia merupakan sebahagian dari negara dunia Muslim yang membentuk kerajaan perpaduan. Namun kerajaan perpaduan yang dibentuk masih lagi gagal menyelesaikan konflik dan krisis. Menurut pandangan sarjana, kelemahan dan kegagalan ini disebabkan oleh tiga isu utama iaitu; pertama, kerajaan perpaduan di dunia Muslim dibentuk menurut acuan Demokrasi Barat; kedua, bersifat jangka pendek; dan ketiga, pelakunya dalam kalangan elit politik sahaja.

Kerajaan Perpaduan di Dunia Muslim dibentuk Menurut Acuan Demokrasi Barat

Di dunia ini, konsep kerajaan perpaduan dibahagikan kepada dua model iaitu dan *Multiparty Parliamentary Sistem* (MPS) dan *Government of National Unity* (GNU) Ia diaplikasikan di kebanyakan negara di Eropah, Afrika dan Asia. Kerajaan perpaduan Indonesia telah dibentuk pada tahun 1998 selepas berlakunya reformasi politik yang menjatuhkan pemerintahan Presiden Suharto. Model kerajaan perpaduan Indonesia berasaskan model MPS iaitu sebuah model pembentukan kerajaan berdasarkan permuafakatan antara semua parti politik yang memenangi pilihan raya peringkat parlimen. Terdapat dua faktor utama dibentuk kerajaan perpaduan

Indonesia. Pertama, melakukan reformasi terhadap sistem demokrasi selepas berlakunya pemerintahan diktator di bawah regim Suharto; dan kedua, mengatasi kegawatan ekonomi Indonesia akibat kesan secara langsung krisis ekonomi Asia 1997 (Ambardi, 2008).

Hermawan Sulisty (2002) menyatakan kerajaan perpaduan Indonesia didokongi oleh lima buah parti politik yang memenangi kerusi parlimen. Lima buah parti politik tersebut ialah Partai Demokrasi Indonesia Perjuangan (PDI-P), Partai Golongan Karya (GOLKAR), Partai Kebangkitan Bangsa (PKB), Partai Persatuan Pembangunan (PPP), dan Partai Amanat Nasional (PAN). Mereka bersetuju menjalinkan kerjasama politik bagi membentuk kerajaan. Di sebalik melakukan reformasi sistem demokrasi, kebebasan dan hala tuju pembentukan kerajaan, Indonesia dibataskan dengan unsur luaran seperti Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) yang menguasai perancangan ekonomi Indonesia. Hal ini secara langsung mempengaruhi politik dan sosial negara Indonesia. Ketidakadilan perjanjian kewangan IMF terhadap Indonesia memberi implikasi besar kepada demokrasi Indonesia yang terpaksa tunduk kepada badan kewangan di bawah pengaruh Amerika Syarikat atas nama reformasi demokrasi (Hermawan Sulisty, 2002; Salawati Mat Basir, 2009).

Kerajaan perpaduan Palestin pula dibentuk berasaskan model GNU. Model GNU berdasarkan suatu kerjasama politik yang merangkumi perjanjian mendatar dalam kalangan golongan elit politik utama sahaja. Pada masa yang sama ia merujuk kepada hubungan yang menegak antara negara dengan masyarakat dalam sesebuah negara¹. Pembentukan kerajaan perpaduan Palestin dilakukan kerana parti politik HAMAS telah memenangi pilihanraya umum Palestin pada tahun 2006.

Kebimbangan Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah dan Israel atas kemenangan HAMAS telah membuka ruang dalam kerjasama politik yang dibentuk untuk membataskan perjuangan HAMAS dalam membebaskan Palestin daripada cengkaman Israel (Casalin & Herramans, 2011). Situasi tersebut telah menekan parti politik HAMAS untuk melakukan kerjasama politik dalam membentuk kerajaan perpaduan atas nasihat Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah. Model GNU telah dipilih untuk dijadikan model kerjasama antara parti yang memenangi pilihanraya umum. Antara parti politik lain yang memenangi pilihanraya tersebut ialah parti politik FATAH, parti politik BEBAS, Front untuk Pembebasan Palestin, Parti Blok Ketiga, Parti Alternatif dan Parti Kemerdekaan Palestin.

Sistem demokrasi Barat dikatakan menjamin peralihan kuasa yang aman daripada seorang pemimpin kepada pemimpin yang lain, namun sistem tersebut mempamerkan kegagalan memberikan jaminan bahawa pemimpin yang baru dipilih akan diberikan kuasa pentadbiran yang bebas dan adil. Hal ini dapat dilihat dalam campur tangan Amerika Syarikat dan Israel dalam pentadbiran Perdana Menteri kerajaan perpaduan Palestin Ismail Haniyeh telah disekat bantuan dan tidak diberikan kebebasan kuasa untuk mentadbir kerana tidak sesuai dengan kemahuan negara-negara tersebut (Abusada, 2010; Adiani Hussaini, 2009).

Berdasarkan situasi di atas menunjukkan bahawa demokrasi Barat gagal mencipta pemerintahan yang adil. Menurut Adiani Hussaini (2009), tujuan utama demokrasi bukan untuk membentuk pemerintahan yang adil tetapi mewujudkan pemerintahan yang dipilih oleh rakyat.

¹ Pembentukan kerajaan perpaduan yang berasaskan kepada semua parti politik utama tidak kira pro-kerajaan atau pro-pembangkang adalah merupakan sebahagian daripada parti pemerintah yang bersama-sama mentadbir negara dalam sistem parlimen (Law, 2012; Mapuva, 2010).

Bagi maksud tersebut selepas pemilihan berlaku, kebebasan dan keadilan tersebut dihadkan untuk menjaga kepentingan kelompok yang menang dan menindas kelompok yang kalah dan berbeza pandangan politik. Ia tidak lagi menjadikan keadilan sebagai prinsip utama dalam pemerintahan. Kelemahan tersebut kerana demokrasi Barat berkembang dalam pemikiran sekular yang sifatnya hanya berfokus kepada kepentingan peribadi individu yang sempit semata-mata.

Pembentukan Kerajaan Perpaduan Secara Jangka Pendek

Melalui kajian berkaitan dengan kerajaan perpaduan menunjukkan bahawa negara-negara yang membentuk kerajaan perpaduan adalah selepas berlakunya krisis dalam masyarakat. Perbincangan ini telah dinyatakan dalam kajian-kajian yang dilakukan oleh Dziva, Dube & Manatsa (2013), Mukuhani (2014), Liddle & Saiful Mujani (2006) dan Mainwaring (1993). Pembentukan kerajaan perpaduan tersebut dilakukan secara jangka pendek untuk mengelak daripada berlakunya krisis yang lebih parah.

Indonesia menjadi contoh yang menunjukkan kelemahan tersebut. Objektif utama pembentukan kerajaan perpaduan Indonesia adalah untuk melaksanakan reformasi politik yang memberi kebaikan kepada masyarakat. Namun, krisis yang berlaku diselesaikan dengan terburu-buru seperti tiada konsensus yang kukuh dalam kalangan parti-parti politik. Di samping itu juga, tiada perancangan untuk mengurus ekonomi secara bebas dan pergantungan penyelesaian kegawatan ekonomi pada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Fenomena tersebut juga memberikan kesan secara langsung kepada parti-parti politik Muslim di Indonesia. Menurut Firman Noor (2015), pada era transisi reformasi politik tersebut berlakunya konflik dalam kalangan parti-parti politik Muslim sehingga mengakibatkan parti-parti politik tersebut mengalami perpecahan dalaman. Contohnya berlaku krisis kepimpinan dalam Parti Kebangkitan Bangsa (PKB)², Parti Persatuan Pembangunan (PPP)³ dan Parti Amanat Nasional (PAN)⁴. Tren perpecahan tersebut menunjukkan bahawa transisi pembaharuan demokrasi secara *ad-hoc* melahirkan konflik dan krisis dalaman yang serius.

Menurut Islam, sesuatu penyelesaian yang melibatkan negara dan masyarakat perlu kepada matlamat jangka panjang dan menyeluruh. Al-Qur'an dengan tegas menjelaskan matlamat penubuhan sebuah negara yang diperjuangkan oleh para Nabi dan Rasul Allah SWT adalah untuk mewujudkan sebuah negara yang memberi kebaikan dan mendapat keampunan daripada Allah SWT. Penegasan ini jelas menerusi firman Allah SWT yang bermaksud:

“Demi sesungguhnya, adalah bagi penduduk negeri Saba’, satu tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) yang terdapat di tempat tinggal mereka, iaitu: dua kumpulan kebun (yang luas lagi subur), yang terletak di sebelah kanan dan di sebelah kiri (kampung mereka). (Lalu dikatakan kepada mereka): “Makanlah dari rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepadaNya; (negeri kamu ini adalah) negeri yang baik (aman dan makmur), dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan yang Maha Pengampun!”(Surah *Saba*’: 35:15).

² Perpecahan yang mengakibatkan pemimpin-pemimpin PKB yang tidak berpuas hati keluar parti dan menubuhkan parti politik baru seperti Parti Kejayaan Demokrasi (PKD) dan Parti Kebangkitan Nasional Ulama (PKNU).

³ Perpecahan yang mengakibatkan pemimpin-pemimpin PPP yang tidak berpuas hati keluar parti dan menubuhkan parti politik baru seperti Parti Persatuan (PP) dan Parti Bintang Reformasi (PBR).

⁴ Perpecahan yang mengakibatkan pemimpin-pemimpin PAN yang tidak berpuas hati keluar parti dan menubuhkan parti politik baru seperti Parti Matahari Bangsa (PMB).

Menurut Ibnu Khaldun (2000), pembentukan sesebuah kerajaan adalah tidak terbatas kepada kegiatan yang berhubungan dengan pengambilan keputusan dan kebijaksanaan pemimpin dalam mendepani krisis. Ia perlu merangkumi segala keadaan yang dapat membuat perubahan kepada struktur masyarakat. Tujuan pembentukan sesebuah negara menurut Islam adalah tidak terpisah daripada agama. Agama dan negara merupakan hak dan tanggungjawab umat Islam untuk diuruskan supaya urusan masyarakat lebih teratur. Ia dikira sebagai ibadat kepada Allah SWT. Kebijaksanaan perancangan parti-parti politik Islam diperlukan untuk menyelesaikan sesuatu krisis dalam negara bagi memberi kebaikan kepada rakyat dan menjauhkan mereka daripada keburukan. Contoh terbaik dalam pembentukan negara yang berkrisis dibuktikan melalui kisah Nabi Daud a.s al-Qur'an merakamkan bahawa Allah SWT memperkuat kerajaan Nabi Daud a.s. dengan memberikannya kebijaksanaan menyelesaikan masalah rakyat (Yahaya Jusoh, 2014).

Pembentukan Kerajaan Perpaduan Berlaku dalam Kalangan Elit Politik

Pembentukan kerajaan perpaduan hanya berlaku dalam kalangan elit politik. Kerjasama politik yang dibentuk melalui konsensus parti-parti politik utama yang pro-kerajaan dan pro-pembangkang serta meminggirkan parti-parti politik kecil dan NGO-NGO untuk terlibat secara langsung dalam pembentukan kerajaan (Percyslage & Tobias, 2011; Mapuva, 2010). Di Indonesia, cita-cita pembaharuan demokrasi selepas tahun 1998 adalah sangat besar. Pembentukan kerajaan perpaduan yang menumpukan kepada peralihan kepemimpinan diharapkan mampu membangunkan negara. Namun sehingga kini, cita-cita tersebut belum dapat direalisasikan sepenuhnya. Paling malang adalah berlakunya pemusatan dan elitisme dalam sistem politik akibat pembentukan kerjasama politik dalam kalangan parti-parti politik utama (Adrianof, 2002).

Di Palestin pula, kerjasama yang dijalinkan antara HAMAS dengan FATAH mempengaruhi keberkesanan pembentukan kerajaan perpaduan. Dua parti politik utama Palestin ini begitu berbeza daripada segi ideologi, perjuangan dan dasar-dasar yang mahu diterapkan dalam kerajaan yang dibentuk. Menurut Khalil Shikaki (2015) terdapat lima kekangan untuk membentuk kerajaan perpaduan antara HAMAS dengan FATAH. Pertama, jurang ideologi antara sistem yang dikawal oleh HAMAS dan FATAH yang melibatkan nilai agama Islam, sosial sekular dan liberal dan hubungan dengan Israel; kedua, kebimbangan HAMAS terhadap penglibatan FATAH dalam menafikan kemenangan pihak HAMAS dalam pilihanraya umum; ketiga, HAMAS takut kehilangan sokongan dari daerah yang menyokongnya sebelum ini kerana terlibat dengan kerjasama politik dengan FATAH; keempat, parti politik FATAH adalah warisan daripada PLO yang hegemoninya jelas meletakkan HAMAS sebagai musuh politik dan akibatnya pimpinan veteran HAMAS enggan menyokong secara terbuka kerjasama politik dengan FATAH akibat hal tersebut; dan kelima, prinsip kerahsiaan HAMAS mengenai strategi politik dan struktur dalamannya telah meningkatkan syak wasangka FATAH mengenai komitmen HAMAS terhadap kerajaan perpaduan.

Ketiga-tiga faktor yang dinyatakan sebelum ini jelas mempamerkan kelemahan-kelemahan yang dialami oleh kerajaan perpaduan di negara-negara Muslim. Kelemahan-kelemahan tersebut mendorong kepada kegagalan kerajaan perpaduan untuk bertahan lama dan kegagalan ummah membina perpaduan yang diperlukan oleh negara-negara Muslim bagi meneruskan legasi tamadun Islam seperti yang diasaskan oleh Nabi Muhammad SAW. Secara ringkas ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Isu Utama Wacana Sarjana Terhadap Kerajaan Perpaduan di Dunia Muslim

Pandangan Sarjana Muslim Terhadap Konsep Kerajaan Perpaduan Berteraskan Islam

Kerajaan perpaduan yang dibentuk di beberapa negara di dunia ini jelas mempamerkan bahawa model GNU dan MPS merupakan model yang terbaik untuk diaplikasikan. Namun, para sarjana terutama yang mengkaji GNU dan MPS ini sedar akan kelemahan-kelemahan seperti yang dibincangkan sebelum ini. Namun, masih belum dapat diperbaiki kelemahan-kelemahan tersebut dalam ruang sistem demokrasi yang menjadi tanda aras kepada keperluan membentuk sesebuah kerajaan yang berkekrisis di dunia ini.

Kerajaan perpaduan di dunia Muslim juga dilihat masih bergelut dengan kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam model GNU dan MPS. Situasi tersebut telah menyebabkan negara-negara Muslim yang mengaplikasikan kerajaan perpaduan gagal dalam membentuk sebuah negara yang bersatu padu, harmoni dan maju seperti yang berlaku di Indonesia dan Palestin. Sarjana-sarjana Muslim secara umumnya menyatakan bahawa terdapat dua isu utama yang perlu diberi perhatian dan diusahakan untuk mengatasi kelemahan model kerajaan perpaduan dalam dunia umat Islam. Pertama, kerajaan perpaduan perlu berpaksikan konsep perpaduan berteraskan Islam; kedua, Negara Madinah 622-632M sebagai asas pembentukan kerajaan perpaduan berteraskan Islam.

Kerajaan Perpaduan Berpaksikan Konsep Perpaduan Berteraskan Islam

Konsep kerajaan perpaduan berteraskan Islam ini adalah bersumberkan al-Qur'an, Hadith dan pandangan Sarjana Muslim. Perpaduan yang menjadi definisi asas kepada konsep kerajaan perpaduan berteraskan Islam ialah merujuk kepada maksud ukhuwah. Secara asasnya, pengambilan maksud ukhuwah untuk menjelaskan definisi perpaduan berteraskan Islam dengan berpandukan ayat al-Qur'an yang bermaksud:

“Berpeganglah kepada tali Allah (agama Islam) dan janganlah kamu bercerai-berai. Dan ingatlah akan nikmat Allah kepada kalian ketika kalian dahulu (pada masa jahiliyah) bermusuhan, lalu Allah menyatukan hati kalian, dan dengan nikmat-Nya, menjadikan kalian sebagai orang-orang yang bersaudara dan kalian dahulunya berada di tepi jurang Neraka lalu Allah menyelamatkan kalian darinya. Demikianlah Allah menjelaskan ayat-ayat-Nya kepada kalian supaya kalian mendapat hidayat ”(Surah *Ali ‘Imran*, 103:3).

Dalam ayat di atas, Sayyid Qutb (2000) menyatakan bahawa Allah SWT menyeru dan memerintah kelompok Muslimin memelihara dua asas yang menjadi landasan dalam kehidupan setiap Muslim. Dua asas itu ialah pertama, keimanan dan kedua, persaudaraan kerana Allah SWT. Menurut Sayyid Qutb (2000) lagi, persaudaraan yang berpegang kepada tali Allah SWT merupakan satu nikmat yang diberikan kepada kelompok Muslimin. Nikmat persaudaraan yang diberikan oleh Allah SWT seperti yang dibuktikan oleh persaudaraan dan perpaduan Suku *‘Aws* dan Suku *Khazraj* dengan menjadikan Islam sebagai agama dan cara hidup mereka. Suku *‘Aws* dan Suku *Khazraj* di Madinah sebelum kedatangan Rasulullah SAW sering bermusuh antara satu sama lain disebabkan kaum Yahudi berusaha mengapi-apikan permusuhan tersebut. Kaum Yahudi menjalankan strategi dengan menganjurkan permusuhan antara kedua-dua Suku tersebut dengan tujuan untuk mendapat keuntungan kehidupan mereka. Dengan berpegang kepada tali Allah SWT dan Sunnah Rasulullah SAW dalam jangka masa yang pendek permusuhan tersebut dapat dipadamkan. Suku-suku tersebut dapat disatukan menjadi kelompok Muslimin yang beriman dan berjuang di sisi Rasulullah SAW sehingga digelar sebagai golongan Ansar.

Hamka (1990) pula menyatakan bahawa tali Allah SWT yang dimaksudkan dalam ayat tersebut merupakan kitab al-Qur’an dan Sunnah Rasulullah SAW yang menjadi bimbingan kepada urusan kelompok Muslimin. Beliau menggunakan perkataan bersatu padu yang merujuk kepada ‘berpeganglah kepada tali Allah (agama Islam)’ dan menyatakan bahawa Allah SWT memerintah kelompok Muslimin membina perpaduan antara satu sama lain dan mengukuhkan jemaah kaum Muslimin dengan mengelak daripada berpecah belah. Beliau juga membawa sirah permusuhan Suku *‘Aws* dan Suku *Khazraj* sebelum kedatangan Islam dan membawa sirah permusuhan antara *Bani ‘Abd al-Manaf* dengan *Bani Hasyim* di Mekah. Kedua-dua peristiwa tersebut memaparkan berkaitan dengan berpecah belah dan bermusuhan antara satu sama lain yang merugikan diri sendiri. Namun apabila Islam datang membawa mesej persaudaraan, perpaduan dan kedamaian secara langsung ia merupakan nikmat yang paling penting dalam membina kehidupan bermasyarakat dan bernegara.

Oleh yang demikian, terdapat empat kewajipan yang perlu dilaksanakan oleh umat Islam yang membentuk perpaduan. Pertama, bepegang teguh dan melindungi diri dari segala kejahatan dengan menggunakan tali Allah iaitu al-Qur’an dan Hadith; kedua, berpegang kepada jemaah kaum Muslimin untuk menghindari perpecahan dan perselisihan sesama sendiri; ketiga, hati-hati umat Islam disatukan dengan cinta kepada Allah SWT sehingga nikmat tersebut menjadi umat Islam bersaudara; dan keempat, melaksanakan perkara kebaikan dan meninggalkan perkara yang dilarang. Bersama-sama dengan kewajipan ini untuk melaksanakannya adalah dengan ukhuwah.

Dalam ayat lain yang menjadi tanda aras kepada ukhuwah ialah seperti firman Allah SWT yang bermaksud:

“Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu bersaudara, kerana itu damaikanlah antara kedua-dua saudara kalian dan bertakwalah kepada Allah agar kalian mendapat rahmat” (Surah *al-Hujurat*: 49: 10)

Menurut Ibn Kathir (2004), Allah SWT ingin mengatakan semua Muslim merupakan saudara seagama. Saudara seagama yang disebut dalam ayat tersebut adalah persaudaraan dalam agama dan ia merupakan salah satu nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada kaum Muslimin. Menurut Ibn Kathir (2004) lagi, perincian ayat tersebut menyebut kata iman dan persaudaraan sebagai dua keadaan yang beriringan. Justeru, ia menuntut orang-orang yang bersaudara itu agar melaksanakan hal-hal yang dapat mengukuhkan iman, iaitu berpegang teguh kepada akidah Islam, meninggalkan perpecahan, berdakwah kepada kebaikan, menyeru kepada makruf dan mencegah kemungkaran.

Tuntutan menjalinkan persaudaraan dalam kalangan kaum Muslimin yang menunjukkan perpaduan menurut Islam juga dijelaskan dalam Hadith yang diriwayatkan daripada Abu Hurayrat r.a. meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda yang bermaksud:

Jauhilah prasangka kerana prasangka itu ucapan yang paling dusta. Janganlah kamu mencari aib-aib orang lain dan juga janganlah saling dengki-mendengki, membenci atau memusuhi. Jadilah kamu hamba-hamba Allah yang bersaudara sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah kepada kamu (Riwayat Muslim, No. Hadith 4648).

Al-Nawawiy (1972) menjelaskan Hadith tersebut secara langsung mengandungi perintah agar orang Muslim bersaudara dalam Islam. Perintah bersaudara tersebut dinisbatkan kepada Allah SWT iaitu memberi makna Allah SWT memerintahkan supaya umat Islam menjadi saudara seagama antara satu sama lain berlandaskan keimanan.

Demikian juga dalam Hadis yang diriwayatkan daripada ‘Abd Allah bin ‘Umar r.a. yang meletakkan persaudaraan menurut Islam merupakan tuntutan syariah. Nabi SAW bersabda yang bermaksud:

“Seorang Muslim adalah saudara bagi Muslim yang lainnya, tidak menzalimi atau mencelakakannya. Barangsiapa memenuhi keperluan saudaranya sesama Muslim dengan menghilangkan satu kesusahan darinya, nescaya Allah akan menghilangkan darinya satu kesusahan antara kesusahan pada hari kiamat. Dan barangsiapa menutup aib seorang Muslim, nescaya Allah akan menutup aibnya pada hari kiamat” (Riwayat al-Bukhariy, No. Hadith 2262).

Ibn Hajar (1972) mengatakan dalam Hadith tersebut makna perintah Allah SWT supaya seseorang Muslim menjadi saudara kepada Muslim yang lain. Mereka hendaklah konsisten melaksanakan segala yang diperintahkan oleh Allah SWT dan menjauhkan diri daripada perkara yang dilarang serta menjaga diri daripada sifat-sifat yang tercela. Ketiga-tiga perintah ini perlu dilaksanakan untuk membentuk persaudaraan menurut Islam.

Berdasarkan Hadith bernombor 4648 dan 2262, perpaduan dalam persaudaraan Islam merupakan tuntutan syarie sebagaimana yang dijelaskan dalam makna “...jadilah kamu hamba-

hamba Allah yang bersaudara sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah kepada kamu” dan “Seorang Muslim adalah saudara bagi Muslim..” (‘Ali ‘Abd Halim al-Mahmud, 1993). Melalui Hadith-hadith lain yang diriwayatkan oleh al-Bukhariy dan Muslim dapat difahami bahawa perpaduan yang dimaksudkan dalam Islam ialah ukhuwah. Ia juga berbeza daripada pengertian umum terutama dari perspektif Barat.

Sarjana Muslim seperti ‘Ali ‘Abd Halim al-Mahmud (1993) dan Yusuf al-Qaradhawi (2015) secara umumnya bersepakat menyatakan bahawa kedudukan perpaduan, penyatuan dan mengelak perpecahan adalah merujuk kepada maksud persaudaraan berdasarkan al-Qur’an dan Hadith. Mereka mengemukakan empat kedudukan perpaduan, penyatuan dan mengelakkan perpecahan yang merujuk kepada persaudaraan yang dimaksudkan dalam Surah *Ali-‘Imran* ayat 103. Pertama, dalam ayat tersebut anjuran kepada berpegang teguh yakni kewajipan bersatu dan berpadu dalam jamaah Islam untuk menghindari perpecahan dan perselisihan.

Kedua, menghindari perselisihan, pergaduhan dan tidak mengikuti hawa nafsu. Orang-orang yang bersaudara kerana Allah SWT adalah individu yang dapat melindungi diri sendiri dan masyarakat daripada sikap saling bermusuhan. Ketiga, mengingati nikmat yang diberikan oleh Allah SWT kepada orang yang menyukai perpaduan dan penyatuan. Nikmat tersebut ialah nikmat Islam dan tauladan daripada Rasulullah SAW yang membenci perpecahan dan permusuhan dan mencintai orang-orang yang bersatu-padu. Keempat, Agama Islam menjadikan kaum Muslimin sebagai saudara seagama seperti yang dijelaskan dalam al-Qur’an yang bermaksud:

“Dan orang-orang (Islam) yang datang kemudian daripada mereka (berdoa dengan) berkata: “Wahai Tuhan Kami! Ampunkanlah dosa kami dan dosa saudara-saudara kami yang mendahului kami dalam iman, dan janganlah Engkau jadikan dalam hati perasaan hasad dengki dan dendam terhadap orang-orang yang beriman. Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau Amat Melimpah Belas kasihan dan Rahmat-Mu” (Surah *al-Hasyr*, 59:10).

Menurut Sayyid Qutb (2009), ayat ini juga menggambarkan persaudaraan dalam kalangan kelompok-kelompok yang berada di Madinah selepas berlaku Hijrah Rasulullah SAW. Terdapat tiga kelompok yang diiktiraf oleh Allah SWT yang merupakan nikmat kepada kaum Muslimin generasi pertama yang berlumba-lumba dalam meraih keutamaan di sisi Allah SWT dengan ukhuwah Islamiah. Kelompok pertama ialah kelompok Muhajirin iaitu golongan yang beriman kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW. Mereka yang mengikut serta berhijrah bersama Baginda SAW ke Madinah. Kelompok kedua ialah kelompok Ansar iaitu golongan yang terdiri daripada kebanyakan Suku *‘Aws* dan Suku *Khazraj* yang merupakan penduduk peribumi Madinah. Mereka beriman kepada Allah selepas berjumpa dengan Rasulullah SAW. Kelompok ketiga pula ialah kelompok *tabi’in* (pengikut) dan orang-orang yang soleh dan beriman setelah mereka hingga hari Akhirat. Dari situ, muncullah sifat-sifat ukhuwah umat Islam yang mengikat angkatan awal Muslimin (Ansar dan Muhajirin) dengan angkatan akhir (kelompok *tabi’in*) yang memperjuangkan dakwah Islamiah dan membina negara Madinah dengan gemilang. Persaudaraan yang disebut dalam ayat-ayat berkaitan ketiga-tiga kelompok ini ialah membawa maksud perpaduan dalam kacamata Islam. Perpaduan ini telah menuntut supaya menghidupkan agama Islam dengan berteraskan akidah yang merentasi hubungan pertalian darah, kekeluargaan dan kabilah (Al-Butiy, 1977).

Berdasarkan sumber al-Qur'an dan Hadith yang ditonjolkan ini dapat difahami bahawa ukhuwah Islamiah merupakan asas kepada pengertian perpaduan berteraskan Islam. Perpaduan berteraskan Islam merupakan asas kepada pembangunan masyarakat Islam yang berjaya sebagaimana yang diaplikasikan di Negara Madinah 622-632M. Tidak ditemui dimana-mana keterangan dalam al-Qur'an, Hadith dan Sirah Rasulullah SAW yang mengharuskan perpecahan dan perbalahan walaupun ke atas masyarakat bukan Muslim. Umat Islam memainkan peranan penting dalam menjaga perpaduan sesama sendiri dan bertanggungjawab mengeratkan tali persaudaraan berlandaskan akidah Islamiah.

Negara Madinah 622-632M Sebagai Asas Pembentukan Kerajaan Perpaduan Berteraskan Islam

Matlamat pembentukan pemerintahan kerajaan berteraskan Islam adalah untuk melaksanakan syariat Allah SWT. Hal ini dinyatakan dalam al-Qur'an yang bermaksud:

“Dan hendaklah ada antara kamu satu puak yang menyeru kepada kebajikan, dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik (makruf), serta melarang daripada segala yang buruk dan keji (mungkar). Dan mereka itulah orang-orang yang beruntung” (Surah *Ali-Imran*, 3:104).

Menurut Yusuf al-Qardhawi (2009), ayat ini menjelaskan peranan dan tanggungjawab umat Islam membentuk sebuah kerajaan Islam untuk menyeru manusia kepada kebaikan dan mencegah daripada kejahatan. Allah SWT memerintahkan umat Islam agar dapat membentuk suatu kelompok atau organisasi (parti) yang bertanggungjawab memegang amanah Allah SWT untuk menentukan segala pengurusan dan pentadbiran sesebuah negara yang berlandaskan al-Qur'an dan Hadith Rasulullah SAW. Dengan ini jelas bahawa dalam konteks pembentukan negara Islam, fungsi dan struktur kerajaan berteraskan Islam dapat dilihat secara teori dan praktikalnya pada zaman kerajaan Islam Madinah 622-632M.

Sejarah Negara Madinah menjadi bukti bahawa pembentukan model kerajaan berteraskan Islam di bawah pemerintahan Nabi Muhammad SAW. Asasnya adalah merujuk kepada perbincangan para Sarjana Muslim yang menyatakan pembentukan Negara Madinah bukan sahaja melihat kepada kejayaannya sahaja tetapi proses pembentukannya yang menjadikan negara Madinah sebagai model pembinaan negara yang dianggap sempurna yang pernah berlaku dalam sejarah peradaban dunia khususnya umat Islam.

Bertitik tolak daripada kerangka pembentukan Madinah, umat Islam telah membentuk tatacara berpolitik. Antara tatacara politik negara Islam Madinah ialah persamaan taraf dan hak sesama manusia sebagai makhluk Tuhan, solidariti sejagat sesama manusia dan ukhuwah (persaudaraan) sesama Muslim seakidah. Melalui kerangka ini, ajaran Islam mendefinisikan hubungan antara individu dan juga masyarakat sebagai ukhuwah di atas tapak falsafah kukuh menyeimbangkan antara hak individu dengan tanggungjawabnya kepada masyarakat berteraskan konsep perpaduan sejagat (Muhammad Munir Ghadban, 1982). Konsep perpaduan ini berasaskan kepada kefahaman tauhid yang menjelaskan bahawa setiap Muslim itu adalah bersaudara. Dalam al-Qur'an, Allah SWT menyatakan bahawa:

“Dan jika dua puak dari orang Mukmin berperang, maka damaikanlah di antara mereka. Dan jika salah satu dari kedua puak itu melakukan kezaliman terhadap puak yang lain, maka perangilah puak yang melakukan kezaliman itu sehingga mereka kembali kepada perintah

Allah, dan jika mereka kembali, maka damaikanlah di antara keduanya dengan adil dan hendaklah kamu berlaku adil. Sesungguhnya Allah kasihkan orang-orang yang berlaku adil. Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara” (Surah *al-Hujurat*, 49:9-10).

Sayyid Qutb (2000) menjelaskan tafsiran ayat ini merupakan satu dasar umum yang tegas untuk memelihara masyarakat Islam daripada perpecahan dan untuk menegakkan kebenaran, keadilan dan perdamaian. Jika berlaku perbalahan sesama Muslim, tindakan perlu diambil dan tujuan akhirnya adalah untuk mengembalikan mereka yang tersasar (melakukan kezaliman) ke dalam barisan persaudaraan Islam. Natijah persaudaraan dalam ayat tersebut ialah menjalin hubungan mesra, memelihara prinsip keamanan, memupuk sifat kerjasama dan membentuk perpaduan yang menjadi dasar dalam kalangan masyarakat Islam.

Perintah yang dijelaskan dalam al-Qur’an dan Hadith itu bertujuan mewujudkan prinsip persamaan, persaudaraan dan perdamaian. Hal ini demi kemaslahatan untuk umat Islam. Semua ini telah dilaksanakan oleh Rasulullah SAW ketika membangunkan Negara Madinah. Secara jelasnya ia diaplikasikan oleh Rasulullah SAW ketika melaksanakan konsep perpaduan dalam strategi pembentukan masyarakat Madinah.

Menurut Tariq Ramadan (2007), perpaduan yang dibentuk oleh Rasulullah SAW di Negara Madinah membawa maksud bahawa seorang individu Muslim itu mempunyai tanggungjawab berteraskan akidah terhadap saudara seakidahnya selaras kewajipannya sebagai ejen pembawa rahmat. Justeru, konsep perpaduan seperti inilah menjadi tunjang kerangka politik dalam sistem model kerajaan perpaduan berteraskan Islam. Sebagai contoh, konsep perpaduan dalam politik menekankan konsep kesatuan, tolong-menolong dan tanggungjawab sosial dalam kehidupan manusia Yusuf Qaradawi (2009). Jelas di sini bahawa Negara Madinah mempunyai kerangka identiti yang ditadbir dengan perpaduan antara rakyat dengan kesaksamaan tanpa mengira latar belakang, keturunan dan agama walaupun falsafah penubuhannya berteraskan Islam.


Dalam konteks perpaduan Negara Madinah, Munir Muhammad al-Ghadbhan (2009) menjelaskan bahawa perpaduan yang dimaksudkan dalam Islam ialah berteraskan kepada definisi ukhuwah. Menurut beliau, ukhuwah merupakan agenda utama yang digariskan oleh Rasulullah SAW setelah berhijrah ke Madinah. Ukhuwah merupakan isyarat awal dalam sejarah umat Islam atau sejarah negara Islam yang sedang berkembang. Ia menunjukkan bahawa masyarakat yang dibina memiliki ciri-ciri khas iaitu individu-individunya adalah orang-orang yang bersaudara, berpadu dan bersatu dalam urusan agama dan juga dunia. Ikatan yang menghubungkan mereka adalah tidak seperti kebanyakan masyarakat yang ada pada masa itu.

Konsep ukhuwah menjadi tunjang kepada teras politik dan tatakelola kerajaan yang diajarkan dan diamalkan oleh Rasulullah SAW ketika di Madinah. Manifestasinya menjadikan segala bentuk hubungan antara sesama Muslim dan juga bukan Muslim hidup dalam keadaan harmoni dan aman. Kerajaan Madinah yang dibentuk merupakan antara negara yang isi masyarakatnya terdiri dari pelbagai agama dan kaum. Hal ini merupakan contoh suasana perpaduan yang berjaya diwujudkan oleh Rasulullah SAW dalam menyatukan seluruh warga Madinah selama tempoh 10 tahun. Madinah menjadi contoh negara yang terbaik untuk diikuti oleh kerajaan-kerajaan selepasnya.

Menurut Wafdi Auni Mohamed (2017), perpaduan yang kukuh dalam kalangan umat Islam di Madinah telah mengizinkan Rasulullah SAW untuk menggerakkan strategi-strategi bagi mengukuhkan kedudukan agama Islam dan umat Islam di Madinah. Bagi tujuan tersebut, Baginda SAW memeterai perjanjian dengan kabilah-kabilah yang bukan Islam khususnya Yahudi di Madinah. Dengan perjanjian tersebut mempamerkan bahawa sebuah asas kerajaan yang majmuk memerlukan pelaksanaan *al-tahaluf al-siyasi*. *Al-tahaluf al-siyasi* ini memberikan maksud yang menyeluruh dalam tindakan semua warganegara sama ada Muslim atau bukan Muslim mesti mendokong perlembagaan yang dimeterai dengan penuh rasa tanggungjawab.

Pembentukannya berjaya menentukan hak-hak Muslim dan penduduk tempatan di samping mewujudkan persefahaman dengan bukan Muslim terutamanya Yahudi. Umumnya Piagam Madinah telah menentukan kedudukan Nabi Muhammad SAW dan warganegara Madinah yang terdiri daripada masyarakat Islam, Yahudi dan Musyrikin. Ia menyusun pembentukan sebuah kerajaan serta menggariskan hak, tanggungjawab dan peraturan antara penduduk berdasarkan prinsip-prinsip Islam. Melalui Piagam Madinah yang dibina melalui pendekatan ukhuwah Islamiah dan *al-tahaluf al-siyasi*, perpaduan dan keamanan dapat dikekalkan meskipun terdapat segelintir pihak (Yahudi) yang cuba mengingkarinya.

Terdapat tiga peringkat utama yang dipamerkan melalui perbincangan para Sarjana Muslim berkaitan dengan Sirah pembentukan Negara Madinah yang menjadi kaedah kepada kerajaan perpaduan berteraskan Islam. Pertama, perjanjian yang melibatkan Rasulullah SAW dengan Suku 'Aws dan Suku *Khazraj* dari Madinah; kedua, Peristiwa Hijrah yang memeraudarkan golongan Ansar di Madinah dengan golongan Muhajirin dari Mekah; dan ketiga, Penggubalan Piagam Madinah. Ringkasan kaedah pembentukan kerajaan perpaduan berteraskan Islam berdasarkan model Negara Madinah 622-632M ditunjukkan dalam Rajah 2.



Rajah 2: Kaedah Pembentukan Kerajaan Perpaduan Berteraskan Islam Berdasarkan Model Negara Madinah 622-632M

Sumber: Wafdi Auni Mohamed (2017)

Kesimpulan

Peranan Islam sebagai asas perpaduan telah dikemukakan sejak penubuhan Negara Islam Madinah 622-632M. Para sarjana terutama di dunia Muslim menyatakan bahawa perpaduan menjadi tema penting yang diangkat sebagai satu gagasan utama menjadi asas kerajaan yang dibentuk. Asasnya kepada kekuatan agama yang membentuk kerajaan berpandukan kepada perpaduan berteraskan Islam. Oleh yang demikian, secara umumnya politik berteraskan perpaduan adalah penting dalam membentuk sesebuah kerajaan terutamanya bagi negara-negara umat Islam sebagaimana yang ditunjukkan dalam *Siyasah al-Rasul* membentuk Madinat al-Munawwarat 622-632M.

Rujukan

- Abusada, M. (2010, Mac). *Islam versus secularism in Palestine: Hamas vs Fatah*. Paper presented at the Transformation of Palestine: Palestine and the Palestinians 60 Years after the 'Nakba, Heinrich Böll Stiftung, Berlin.
- Adiani Husaini. (2009). Menimbang kembali konsep demokrasi. *Jurnal Pemikiran dan Peradaban Islam ISLAMIA*, V(2), 84-97.
- Adrianof, A, C. (2002). Rintangan-rintangan demokrasi di Indonesia. Dlm Maruto MD., dan Anwari WMK (Sunt.), *Reformasi politik dan kekuatan masyarakat: Kendala dan peluang menuju demokrasi*. Jakarta: LP3ES.
- Al-Butiy, Muhammad Sa'id Ramadhan. (1977). *Fiqh al-sirat: Dirasat minhajiyat 'ilmiyyat li-sirat al-Mustafa 'Alayh Salaṭ wa Salam*. Beirut: Darul Fikr.
- Al-Nawawiy, Mahy al-Din Abī Zakariya Yahya Syarf. (1972). *Syarh al-Nawawiy 'ala sahih Muslim*. Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiy.
- 'Ali 'Abd Halim al-Mahmud. (1993). *Fiqh al-ukhuwwat fi al-Islam*. Kaherah: Dar al-Tawzi'.
- Ambardi, K. (2008). *The making of the Indonesian multiparty system: A cartelized party system and its origin* (Tesis Doktor Falsafah). The Ohio State University, Amerika Syarikat.
- Casalin, D. & Herremans, B. (2011). Palestinian unity government: EU should find ways to cooperate. *Security Policy Brief*, no. 25, Royal Institute for International Relations.
- Dziva, C., Dube, B, & Manatsa, P. (2008). A critique of the 2008 Government of National Unity and human rights protection in Zimbabwe. *International Journal of Humanities and Social Science Invention*, 2(8), 83-92 (Online): 2319-7722.
- Firman Noor. (2014). *Perpecahan & soliditas partai Islam di Indonesia: Kasus PKB dan PKS di dekade awal reformasi*. Jakarta: Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia (LIPI) Press.
- Hermawan Sulistyono. (2002). Electoral politics in Indonesia: A hard way to democracy. Dlm. Dieter Nolan, Gabriele Bruns and Marei John (sunt.) *Electoral Politics in Southeast Asia and East Asia*. Singapore: Friedrich Ebert Stiftung.
- Hamka, Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah. (1990). *Tafsir al-Azhar (Vol. 1-10)*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Ibn Kathir. (2004). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim: Ma'ruf bi Tafsir Ibn Kathir*. Bayrut al-Riyad: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyat.
- Ibn Khaldun (2000). *Mukadimah Ibn Khaldun*. Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mainwaring, S. (1993). "Presidentialism, Multipartism, and Democracy". *The Difficult Combination*". *Comparative Political Studies*, 26(2), 198-228.

- Mapuva, J. (2010). Government of national unity (GNU) as a conflict prevention strategy: Case of Zimbabwe and Kenya". *Journal of Sustainable Development in Africa*, vol.12, no.6.
- Matyszak, D. 2010. *Law, Politics and Zimbabwe's 'Unity' Government*. Harare: The Konrad Adenauer Stiftung (KAS).
- Mukuhlan, T. (2014). Zimbabwe's government of national unity: Successes and challenges in restoring peace and order. *Journal of Power, Politics and Government*, 2(2), 169-180.
- Munir Muhammad Ghadban. (1982). *Al-tahaluf al-siyasi fi Islam*. Qahirat: Dar al-Salam.
- Munir Muhammad al-Ghadbhan. (2009). *Manhaj Haraki: Strategi Pergerakan dan Perjuangan Politik Dalam Sirah Nabi SAW*. Jakarta: Robbani Press.
- Percyslage, C. & Tobias, G. (2011). The politics of the government of national unity (GNU) and power sharing in Zimbabwe. Challenges and prospects for democracy. *Afrika Journal of History and Culture*, 3(2), 20-26.
- Salawati Mat Basir. (2009). Ketidakadilan perjanjian kewangan IMF: Kesan ke atas negara-negara anggota OIC. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat (Malaysian Journal of Law and Society)*, 13, (15-34).
- Sayid Qutb. (2000). *Tafsir fi zilalil Qur'an di bawah bayangan Al-Qur'an*. Terj. Kota Baharu: Pustaka Aman Press.
- Tariq Ramadan. (2007). *In footsteps of the Prophet: Lessons from the life of Muhammad*. London: Oxford University Press.
- Wafdi Auni Mohamed. (2017). *Kerajaan perpaduan berteraskan Islam dengan rujukan khusus parti politik Melayu-Islam di Malaysia*. (Tesis Doktor Falsafah). Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Yahaya Jusoh. (2014). *Sejarah falsafah politik dalam Islam*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Yusuf al-Qaradhawi. (2015). *Fiqh jihad*. Kuala Lumpur: PTS Publication.
- Yusuf Qaradawi. (2009). *Fiqh kenegaraan*. Kuala Lumpur: Blue-T Publication.